



LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
KENYATAAN PELAWAAN

1. **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)** mempelawa pengeluar tempatan atau pengedar tunggal produk untuk mengemukakan cadangan **PEMBEKALAN BAHAN KESUBURAN TANAH (BAJA ORGANIK/ BAJA BIO) DAN BAJA FOLIAR BAGI MENINGKATKAN HASIL PADI DI KAWASAN MUDA.**
2. Cadangan boleh dihantar ke **BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup pelawaan jam 12.00 tengah hari pada **3 FEBRUARI 2026.**
3. Pengeluar tempatan atau pengedar tunggal produk boleh mengambil bahagian dalam pelawaan ini dan dikehendaki melampirkan salinan berikut berserta Dokumen Cadangan :-
 - i. Salinan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** (jika berkaitan).
 - ii. Salinan **Sijil Surat Akuan/Lantikan Pengedar Tunggal** (jika berkaitan).
 - iii. Profil syarikat dan dokumen sokongan seperti di **Lampiran 1.**
4. Cadangan produk mestilah menepati dan mematuhi keperluan spesifikasi seperti di **Lampiran 1.**
5. Pengeluar tempatan atau pengedar tunggal produk boleh menawarkan produk bahan kesuburan tanah (baja organik/ baja bio) atau baja foliar atau kedua-duanya sekali.
6. Pengeluar tempatan atau pengedar tunggal baja dikehendaki menghantar sampel seperti berikut :
 - **Bahan Kesuburan Tanah (Baja Organik)** sebanyak **1 sampel x 300 gram/ sampel (sekiranya produk berbentuk butiran / granular / pellet)** atau **500ml/ sampel (sekiranya produk berbentuk cecair)**
 - **Bahan Kesuburan Tanah (Baja Bio)** sebanyak **1 sampel x 500ml/ sampel**
 - **Baja Foliar** sebanyak **1 sampel x 500ml /sampel**Sampel-sampel ini hendaklah berlabel dengan nama syarikat, jenis input pertanian dan kuantiti. Sampel yang dihantar ini adalah muktamad dan tidak boleh ditukar ganti.
7. Mana-mana cadangan yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Dr. Nur Izzati binti Ridzuan di talian 04-7728255 Ext. 353.
8. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima mana-mana cadangan.
9. Dokumen cadangan serta dokumen sokongan perlu dicetak dengan cetakan berwarna. Dokumen cadangan boleh dimuat turun melalui pautan kod QR seperti yang tertera.



(ENSKU MAZLIN BINTI ENSKU HALIN)
Pengarah Bahagian Industri Padi

Tarikh : 13/1/2026